



NEGERI SABAH

JPAN(S): 900-1/24/Klt.5/(87)

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 4/2009

PENUBUHAN JAWATANKUASA TATATERTIB KEMENTERIAN ATAU JABATAN

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan untuk menubuhkan Jawatankuasa Tatatertib Kementerian atau Jabatan seperti yang dikeluarkan melalui Surat Pekeliling bil. JPAN(S) 900-1/24/Klt.5/(65) bertarikh 08 Mei 2009.

LATAR BELAKANG

2. Jawatankuasa Tatatertib Kementerian atau Jabatan bagi semua Kementerian atau Jabatan adalah dengan ini ditubuhkan di setiap Kementerian atau Jabatan selaras dengan Perkara 204 Bahagian V Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008.

KEAHLIAN JAWATANKUASA

3. Keahlian Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:

3.1	Pengerusi	-	Ketua Jabatan
3.2	Setiausaha	-	Pengurus Sumber Manusia
3.3	Ahli	-	2 orang pegawai kanan yang dilantik oleh Pengerusi

TANGGUNGJAWAB

4. Tanggungjawab Jawatankuasa Tatatertib Kementerian atau Jabatan adalah:
 - 4.1 Mempertimbangkan semua kes tatatertib sebelum dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Tatatertib (Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri);
 - 4.2 Mengambil tindakan awal selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 2/1999 : Garis Panduan Mengurus Pegawai Berprestasi rendah dan Pegawai Yang Bermasalah, sebelum kes tersebut dimajukan kepada Pihak Berkuasa Tatatertib;

- 4.3 Membuat penyiataan secara pentadbiran di peringkat Kementerian atau Jabatan sebelum kes dikemukakan ke Pihak Berkuasa Tatatertib untuk tindakan lanjut; dan
- 4.4 Membuat laporan dan mengemukakan syor Jawatankuasa Tatatertib Kementerian atau Jabatan kepada Pihak Berkuasa Tatatertib.

TARIKH KUATKUASA

5. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH'



(SUKARTI BIN WAKIMAN)
Setiausaha Kerajaan Negeri

Jabatan Ketua Menteri
88502 KOTA KINABALU

Tarikh : 25 Ogos 2009

s.k Bendahari Negeri
Jabatan Bendahari Negeri
88595 KOTA KINABALU

Pengarah Audit
Jabatan Audit
88990 KOTA KINABALU

Diedarkan kepada : Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil